

**3766/1
PERNIAGAAN
KERTAS 1
1 JAM 15 MINIT**

NAMA :

TINGKATAN :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

MODUL KECEMERLANGAN SPM

**PERNIAGAAN
KERTAS 1
1 JAM 15 MINIT**


ARAHAN :

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi halaman bercetak

- 1 Apakah tujuan utama perniagaan ditubuhkan?
- A Melambangkan imej perniagaan
 - B Menawarkan barang dan perkhidmatan
 - C Menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat
 - D Galakan kerajaan untuk rakyat menceburi bidang perniagaan

- 2 Rajah berikut menunjukkan perubahan bentuk pemilikan perniagaan.



Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Memudahkan proses membuat keputusan
- B Menngalakkan pengumpulan modal lebih besar
- C Membolehkan pemegang saham menanggung liabiliti terhad
- D Membolehkan pemegang saham mengawal perjalanan syarikat

- 3 Gambar di bawah menunjukkan suatu bentuk pemilikan perniagaan.



Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut?

- A Perkongsian
- B Milikan tunggal
- C Syarikat Awam Berhad
- D Syarikat Sendirian Berhad

- 4 Pernyataan manakah menerangkan persamaan antara perniagaan bersaiz kecil dengan perniagaan bersaiz besar?

- A Perubahan dalam strategi perniagaan mudah dilakukan
- B Perniagaan dapat menikmati ekonomi bidangan
- C Mudah mendapat pekerja yang berpengalaman
- D Pengkhususan kerja mudah dilakukan

- 5 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan pengangguran teknologi?

- A Berlaku semasa keadaan ekonomi meleset
- B Berlaku disebabkan perubahan dalam industri
- C Berlaku apabila pekerja bekerja dalam jangka masa pendek
- D Berlaku apabila kemahiran pekerja digantikan dengan penggunaan mesin

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

Perniagaan K1 Perak 2023


6 Gambar di bawah menunjukkan sebuah agensi kerajaan.



Antara berikut, yang manakah peranan agensi tersebut kepada peniaga?

- I Memberi pelepasan cukai
 - II Memberi bantuan kewangan
 - III Menyediakan pusat perniagaan
 - IV Menyediakan kemudahan infrastruktur
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

7 Graf di bawah menunjukkan satu trend dalam persekitaran perniagaan.



Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh usahawan bagi mengatasi trend di atas?

- I Meneroka pasaran baharu
 - II Menambahbaik produk sedia ada
 - III Meningkatkan kos pengeluaran
 - IV Menukar bentuk pemilikan perniagaan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 8 Antara berikut, yang manakah tindakan kerajaan bagi mengatasi deflasi?
- A Meningkatkan kadar faedah simpanan
 - B Mengurangkan perbelanjaan kerajaan
 - C Mengetatkan syarat pinjaman
 - D Mengurangkan kadar cukai

- 9 Pernyataan yang berikut berkaitan dengan objektif organisasi Q.

- Memberi perkhidmatan kepada masyarakat
- Menerima yuran keahlian daripada ahli

Apakah contoh organisasi Q?

- A Lembaga Air Perak
- B Tenaga Nasional Berhad
- C Kelab Badminton Wanita Taiping
- D Syarikat Pembinaan Bersatu Sdn Bhd

- 10 Pernyataan di bawah berkaitan satu ciri objektif perniagaan.

Objektif yang ditetapkan mestilah dapat dibandingkan dengan pencapaian pada sebelum dan selepas sesuatu projek dijalankan.

Apakah ciri objektif tersebut?

- A Spesifik
- B Boleh diukur
- C Boleh dicapai
- D Munasabah

- 11 Iklan di bawah menunjukkan satu kaedah pembayaran yang semakin meluas digunakan pada masa kini.



Apakah faktor luaran yang menyebabkan organisasi tersebut menggunakan kaedah pembayaran di atas?

- A Sosiobudaya
- B Teknologi
- C Kewangan
- D Ekonomi

- 12 Puan Salina merupakan seorang pekerja di bahagian pentadbiran sebuah syarikat. Apakah tugas beliau?
- A Menyelia fail dan dokumen syarikat
B Membuat penyata kewangan syarikat
C Meningkatkan tahap pengeluaran produk
D Membuat jadual penghantaran produk kepada pelanggan
- 13 Gambar di bawah menunjukkan satu produk yang perlu dihantar menggunakan satu saluran agihan.




- Apakah saluran agihan yang sesuai digunakan bagi produk tersebut?
- A Pengeluar → Pengguna
B Pengeluar → Peruncit → Pengguna
C Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
D Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna
- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat dalam sebuah perniagaan.

- Membuat keputusan berdasarkan maklumat yang lebih tepat
- Meningkatkan kelebihan dalam persaingan

- Berdasarkan maklumat di atas, apakah tujuan penggunaan teknologi maklumat yang dapat membantu perniagaan tersebut?
- A Menjadikan operasi perniagaan lebih efektif dan efisien
B Membantu memudahkan sistem operasi
C Meluaskan pasaran perniagaan
D Memperluas skop perniagaan

- 15 Rajah di bawah menunjukkan aliran barang dan perkhidmatan dalam sesebuah perniagaan.



Apakah X?

- A Penghantaran invois kepada pembeli dan penerimaan bayaran
- B Penerimaan invois pembekal dan pembayaran
- C Pengeluaran item barang dan pengedaran
- D Jadual pengeluaran yang dipersetujui

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia.

- Menyediakan skim kesihatan pekerja
- Menjamin kebajikan pekerja

- A Membangunkan pasukan bagi mencapai sasaran
- B Membentuk persekitaran kerja yang harmoni
- C Pemberian insentif yang munasabah
- D Pemantapan budaya profesional

- 17 Konsep pengurusan Jepun seperti Total Quality Management (TQM) dan Kaizen merupakan amalan pengurusan sumber manusia yang sering diperaktikkan dalam sesebuah organisasi perniagaan.

Apakah peranan sumber manusia yang berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A Prestasi pasukan
- B Latihan peningkatan kemahiran
- C Pemantapan budaya profesional
- D Membentuk persekitaran kerja yang harmoni

- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan.

Hubungan yang harmoni antara majikan dan pekerja perlu ada untuk mewujudkan suasana kerja yang sejahtera.

Aspek manakah yang perlu disediakan oleh pengurus sumber manusia bagi mencapai tujuan di atas?

- A Berpengalaman
- B Peyelesaian masalah
- C Penghargaan dan hukuman
- D Penempatan pekerja dan penyediaan fasiliti

- 19 Encik Yusof merupakan seorang akauntan di sebuah syarikat petroleum ternama di ibu negara.

Apakah keperluan kemahiran kebolehkerjaan yang dimiliki oleh Encik Yusof?

- I Penggunaan teknologi terkini
 - II Kelayakan dalam bidang perakaunan
 - III Berpengalaman sebagai pengurus kewangan
 - IV Mahir berkomunikasi dan menyelesaikan masalah
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 20 Maklumat di bawah menerangkan sejenis sumber fizikal.

Barang Y

- Barang dagangan untuk dijual
- Disimpan di dalam stor dan diperiksa secara berkala supaya sentiasa mencukupi

Apakah Y?

- A Stok
- B Mesin
- C Produk siap
- D Bahan mentah

21 Syarikat Edvance Tech Berhad telah berjaya mencipta sebuah mesin mencucuk daging sate yang canggih. Rekaan ini adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia. Syarikat Edvance Tech Berhad telah mendaftarkan paten mesin tersebut dengan MyIPO.


Apakah kelebihan yang diperoleh dengan tindakan pendaftaran paten tersebut?

- A Dapat mengawal penggunaan mesin bagi suatu tempoh masa tertentu
- B Dapat perlindungan undang-undang hingga ke luar negara
- C Dapat kebenaran untuk memasarkan mesin dengan sah
- D Dapat menyaman pihak yang meniru reka bentuk mesin

22 Manakah yang berkaitan dengan pengurusan sumber teknologi bagi sebuah syarikat penerbitan buku?

- A Harta intelek
- B Kilang dan mesin
- C Penyelenggaran mesin secara berkala
- D Perlindungan insurans dan keselamatan

23 Rajah di bawah menunjukkan jenis sumber pembiayaan.



Apakah T?

- A Rizab
- B Pajakan
- C Overdraf
- D Modal permulaan

24 Apakah kelebihan pinjaman melalui agensi kerajaan berbanding pinjaman bank?

- A Cagaran boleh diberi dalam apa juu bentuk
- B Jumlah pinjaman yang lebih kecil
- C Kadar faedah lebih rendah
- D Tiada syarat pinjaman

25 Apakah perkara yang mungkin menyebabkan sesuatu permohonan pembiayaan ditolak oleh pihak bank?

- A Tidak menyediakan bayaran yang mencukupi
- B Tidak menghubungi bank untuk mengemaskini permohonan
- C Tidak menandatangani kontrak perjanjian pembiayaan dengan pihak bank
- D Tidak melampirkan dokumen yang diperlukan oleh bank semasa membuat permohonan

- 26 Pernyataan yang manakah merupakan kelebihan pembiayaan sewa beli kepada usahawan?
- A Jentera berkos tinggi mampu digunakan
 - B Kadar faedah tidak dicaj ke atas ansuran
 - C Wang pendahuluan tidak diperlukan semasa membeli
 - D Hak milik jentera diperoleh sebaik sahaja deposit dibayar
- 27 Butiran manakah yang terdapat pada bahagian ekuiti pemilik dalam kunci kira-kira?
- A Jualan
 - B Modal awal
 - C Inventori awal
 - D Faedah pinjaman
- 28 Institusi kewangan dan pihak pembekal merupakan antara pihak-pihak yang berkepentingan kepada penyata kewangan sesebuah perniagaan.
- Apakah tujuan kedua-dua pihak ini meneliti sesebuah penyata kewangan perniagaan?
- A Memastikan sumber perniagaan diagihkan dengan cekap
 - B Membandingkan prestasi pada tahun semasa dan tahun sebelum
 - C Mempertimbangkan kemampuan perniagaan untuk membayar hutang
 - D Membuat keputusan sama ada ingin melabur atau tidak dalam perniagaan
- 29 Jadual di bawah menunjukkan maklumat kewangan perniagaan Mona Catering Enterprise.

Perkara	Jumlah (RM)
Jualan bersih	456 500
Untung bersih	290 700
Jumlah aset	630 000

- Kira pusing ganti aset bagi perniagaan tersebut.
- A 0.72
 - B 0.46
 - C 1.38
 - D 2.16
- 30 Maklumat di bawah berkaitan nisbah semasa bagi Syarikat Rachel Beauty Sdn Bhd.

Tahun	2021	2022
Nisbah semasa	2 : 1	3 : 1

- Apakah tafsiran bagi nisbah semasa perniagaan tersebut?
- A Jumlah liabiliti telah meningkat sekali ganda
 - B Pulangan pelaburan syarikat semakin meningkat
 - C Syarikat telah mendapat keuntungan yang lebih tinggi
 - D Kemampuan membayar hutang jangka pendek meningkat

31 Apakah ciri keperibadian usahawan yang berusaha mencipta produk baharu untuk memenuhi keperluan masyarakat?

- A Kreatif
- B Inovatif
- C Berpandangan jauh
- D Komitmen yang tinggi


32 Maklumat di bawah berkaitan Puan Zaliza, seorang pengusaha butik pakaian wanita.

Puan Zaliza seorang yang bijak membuat keputusan dan perancangan perniagaan bagi memastikan pakaian yang dijual sentiasa mendapat permintaan yang tinggi.

Apakah kekuatan diri usahawan yang dimiliki oleh Puan Zaliza berdasarkan pernyataan di atas?

- A Fokus tenaga dan tumpuan
- B Keupayaan membina jenama
- C Perhubungan baik dengan pasangan
- D Kemahiran pembangunan karakter diri

33 Rajah di bawah berkaitan faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan.



Apakah **P** dan **Q**?

- I Kilang
 - II Teknologi
 - III Pemasaran
 - IV Lokasi sesuai
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34 Antara berikut, yang manakah kelebihan bermiaga kepada seorang usahawan dari aspek matlamat peribadi?

- A Pengurusan masa yang fleksibel
- B Melaksanakan tanggungjawab sosial
- C Dapat menggunakan peralatan dan teknologi terkini
- D Dapat menjadi usahawan yang kreatif dalam menghasilkan produk

35 Antara berikut, yang manakah tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- A Syarikat Primax Bhd
- B Pasar Mini Mawardah
- C Syarikat Wibawa Sdn Bhd
- D Koperasi Tenaga Nasional Bhd

36 Encik Farid yang merupakan seorang pemilik restoran telah mengeluarkan cek untuk membayar gaji pekerja-pekerjanya.

Apakah dua rekod perniagaan yang terlibat?

	Rekod 1	Rekod 2
A	Rekod transaksi bank	Rekod pembelian
B	Rekod transaksi bank	Rekod kos operasi
C	Rekod jualan	Rekod pembelian
D	Rekod kos operasi	Rekod ambilan

37 Maklumat berikut diperoleh daripada Penyata Aliran Tunai Perniagaan Amanah pada bulan Julai 2023.

	RM
Baki awal tunai	34 500
Penerimaan tunai	88 200
Pembayaran tunai	73 800

Berapakah baki awal tunai bulan Ogos 2023?

- A RM 14 400
- B RM 34 500
- C RM 48 900
- D RM 53 700

- 38 Apakah maksud pemasaran?
- A Aktiviti mengubah input menjadi output yang berguna
B Aktiviti mengeluarkan barang untuk memenuhi keperluan
C Aktiviti pertukaran hak milik barang antara penjual dan pembeli
D Aktiviti menyalurkan barang daripada pengeluar kepada pengguna
- 39 Apakah kepentingan menyediakan rancangan perniagaan kepada seorang usahawan?
- A Merancang keperluan sumber perniagaan
B Memberikan imej yang baik kepada pelabur
C Mempengaruhi pengguna untuk membeli produk
D Melakukan penyelidikan dan pembangunan pasaran
- 40 Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- I Semasa membuat Rancangan Perniagaan, carta organisasi perniagaan dinyatakan di dalam bahagian Rancangan Operasi
- II Carta aliran proses jualan dinyatakan dalam bahagian Rancangan Pemasaran

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm